

POLISI PELESTARIAN KAMPUS

PERNYATAAN POLISI

Universiti Teknologi Malaysia (UTM) berhasrat menjadi model sebuah masyarakat lestari mengikut keupayaannya tersendiri dengan:

- I. Mensejajarkan pelan strategik Universiti dengan pelaksanaan Sustainable Development Goals (SDGs), menerusi pembangunan model SDGs untuk memenuhi keperluan setempat;
- II. Mengamalkan reka bentuk bangunan dan infrastruktur yang lestari melalui satu rangka kerja pembangunan lestari yang jelas untuk mencapai keberkesanan kos;
- III. Mengoptimumkan pengurusan aset Universiti dan peluang perniagaan lestari untuk mencapai kos yang lebih efisien;
- IV. Mengurus bakat ke arah peningkatan kemahiran dan kecekapan untuk menyokong pelaksanaan SDGs;
- V. Mengurus kewangan secara lestari dan menyediakan perancangan peruntukan kewangan bagi kelancaran pelaksanaan polisi;
- VI. Menggunakan tenaga elektrik, air, hawa dingin, sumber pejabat dan kemudahan awam yang lain secara lestari;
- VII. Meminimumkan penjana sampah dan pencemaran melalui pengurusan sampah yang berkesan;
- VIII. Menghapuskan pembungkusan makanan dan minuman yang tidak terbiodegradasi menerusi inisiatif Kampus Sifar Plastik Sekali-Guna;
- IX. Memaksimumkan guna semula sisa pepejal organik menerusi program Waste-to-Wealth dan Fork-to-Farm;
- X. Memulihara badan/sumber air, memperkayakan biodiversiti dan menggalakkan aktiviti perlindungan dan kawalan alam semulajadi;
- XI. Mengekalkan keseimbangan kawasan terbangun dan kawasan hijau untuk mencapai ekosistem kampus yang lestari;
- XII. Membudayakan amalan rendah karbon dalam kalangan masyarakat kampus menerusi perancangan Peta Penyahkarbonan Kampus;
- XIII. Memperkasa sistem pengangkutan awam dalam kampus untuk mengurangkan penggunaan kenderaan bermotor;
- XIV. Mempromosikan semangat kemasyarakatan, peningkatan kualiti kehidupan dan responsif kepada konteks tempatan dan global dalam mendokong aspirasi kelestarian;
- XV. Menerapkan integriti dan nilai etika menerusi aktiviti sukarelawan dan keterlibatan berterusan dengan semua lapisan masyarakat; dan
- XVI. Membudayakan gaya hidup sihat dan memupuk kesejahteraan rohani dalam persekitaran yang selamat dan kondusif.

16 Ogos 2020

Pejabat Pelestarian Kampus
Universiti Teknologi Malaysia